

**IMPLIKASI PANDEMIK COVID-19 DAN CABARAN YANG DIHADAPI TERHADAP
MOTIVASI AKADEMIK PELAJAR PUSAT PENGAJIAN ASASI
DI SEBUAH IPTS NEGERI KEDAH**

Siti Zulaika binti Mat Dali¹

Pusat Pengajian dan Perkhidmatan Kaunseling & Psikologi
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, (UniSHAMS)
Email: sitizulaikamd@unishams.edu.my

Nurhikmah binti Mubarak Ali²

Pusat Pengajian dan Perkhidmatan Kaunseling & Psikologi
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, (UniSHAMS)

Nur Farhana binti Mat Dali³

Pusat Pengajian Asasi
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, (UniSHAMS)

Abstrak

Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah memberi kesan terhadap hampir semua aspek kehidupan manusia. Kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), semua peringkat pengajian perlu melalui proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian sepenuhnya termasuk pelajar universiti. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti implikasi pandemik Covid-19 terhadap motivasi akademik pelajar di Pusat Pengajian Asasi di sebuah IPTS di Negeri Kedah di samping meneroka masalah akademik yang dihadapi oleh mereka kesan daripada pertukaran metod pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran secara atas talian. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif dengan hasil dapatan adalah daripada borang soal selidik dan temu bual bersama responden. Terdapat tiga tema utama yang tercipta untuk menjawab persoalan kajian berkenaan bagaimana penyelidik melihat kesan-kesan pandemik Covid-19 terhadap motivasi akademik pelajar, iaitu (1) kurang persediaan mental dan fizikal sebelum kelas *online*, (2) kurang komitmen dan tumpuan semasa kelas *online*, dan (3) kurang persediaan menghadapi peperiksaan *online*. Berdasarkan analisis data, motivasi akademik dua daripada empat orang responden yang ditemubual terkesan akibat pandemik Covid-19 dan mereka berharap dapat belajar secara bersemuka semula. Manakala, dua orang responden lagi dapat menguruskan motivasi dan mengatasi masalah akademik dengan baik. Kajian ini penting untuk membantu pelajar mengenalpasti masalah mereka seterusnya mendapatkan jalan penyelesaian yang sesuai bagi menjamin kesejahteraan bidang pendidikan pasca pandemik.

Kata Kunci: Covid-19, Motivasi, Akademik.

Abstract

Covid-19 that hit the whole world has affected almost all aspects of human life. As a result of the implementation of the Movement Control Order (PKP), all levels of study must go through the teaching and learning process (PdP) fully online, including university students. The effects of the pandemic also increase mental health issues and public concerns, including the motivation of

students who need to study in pandemic setting. Therefore, this study was conducted to identify the implications of the Covid-19 pandemic on the academic motivation of Pusat Pengajian Asasi students at one of IPTS in Negeri Kedah as well as exploring the academic problems faced by them as a result of changing learning methods, from face to face to online. The study conducted is qualitative in nature with the findings are from questionnaires and interviews with respondents. Based on the data analysis, the academic motivation of two out of four respondents interviewed was affected by the Covid-19 pandemic and they hope to learn face-to-face again. Meanwhile, two more respondents were able to manage motivation and overcome academic problems well. Therefore, this study is important to help students identify their problems and then find appropriate solutions, in order to ensure the well-being of post-pandemic education field.

Key words: Covid-19, Motivation, Academic.

PENGENALAN

Pada penghujung 2019, dunia dikejutkan dengan kemunculan sejenis virus berbahaya yang dikatakan bermula penyebarannya di ibu kota Wilayah Hubei iaitu Wuhan. Menurut *World Health Organization* (WHO), Suruhanjaya Kesihatan Perbandaran Wuhan yang juga dikenali sebagai *Wuhan Municipal Health Commission* telah melaporkan sekumpulan kes *pneumonia* iaitu radang paru-paru di Wuhan pada 31 Disember 2019 (World Health Organization, 2020). Virus itu kemudiannya diberi nama sebagai *Coronavirus Disease* (Covid-19) oleh Ketua WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus pada 11 Februari 2020 melalui satu sidang media di Geneva, Switzerland (World Health Organization, 2020) serta diisytiharkan sebagai pandemik pada 11 Mac 2020 berikutan penularannya yang sangat pantas dan membimbangkan (Berita Harian, 2020). Jika dilihat secara umum, pandemik adalah wabak penyakit yang tersebar dengan sangat meluas merentasi sempadan negara hingga ke seluruh dunia (Berita Harian, 2020).

Sehingga Februari 2021, pandemik ini telah meragut lebih 2 juta nyawa di seluruh dunia dengan jumlah jangkitan melebihi 100 juta, satu angka yang sangat besar dan menakutkan. Maka, tidak hairanlah apabila pandemik ini telah mengubah kehidupan asal manusia secara global sekaligus membentuk norma baharu yang banyak melibatkan gaya hidup yang tidak pernah diamalkan sebelum ini. Melihat kepada statistik semasa, jumlah kes di Malaysia telah pun mencecah angka 280,272 dengan jumlah kematian keseluruhan melebihi 1000 kes (CPRC Kebangsaan, 20 Februari 2021).

Peningkatan kes yang sangat pantas ini telah menimbulkan ketakutan dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia (Ahad, N., Fahmi, M., Hamid, A., Noor, A. M., & Lazin, Z., 2020). Rakyat Malaysia juga tidak terkecuali daripada merasai kebimbangan yang tinggi terhadap kesan pandemik ini yang berlaku saban hari. Malaysia adalah antara negara yang melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967, bermula 18 Mac 2020 dalam usaha mengawal penularan virus tersebut sekaligus menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan rakyat, dan secara tidak langsung memberi kesan yang sangat besar terhadap pelbagai sektor dan industri di seluruh negara. Pengisytiharan perintah ini turut merangkumi penutupan kesemua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) awam dan swasta serta Institut Latihan Kemahiran di seluruh negara. Disebabkan hal tersebut, sektor pendidikan juga turut menerima kesan daripada pelaksanaan PKP ini (Mailis, M.I., Zaini, Z.H., &

Hassan, N.H., 2020). Rentetan daripada penutupan pusat pengajian baik daripada peringkat rendah hingga institusi pengajian tinggi, pembelajaran secara dalam talian telah dilaksanakan (Norhana, A. et al., 2020). Oleh yang demikian, lebih banyak aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilakukan secara norma baharu iaitu di rumah, di mana keadaan ini menjadi cabaran baru buat pelajar mahupun pendidik (Mohd Faeiz, P., Siti Norazlina, J., Salman, A. & Nurulhuda, M.H., 2020). Walaupun medium atas talian ini bukanlah sesuatu yang asing bagi beberapa aliran pendidikan di negara-negara membangun, tetapi bagi sebahagian aliran pendidikan yang tidak sinonim dengan medium sebegini sudah pasti akan menimbulkan beberapa permasalahan dan isu terhadap keupayaan berurusan dengan teknologi sedia ada (Norhana, A. et al., 2020).

Menurut Nor Fauziana (2020 dalam Mailis, M.I., et al., 2020) kaedah pengajaran dan pembelajaran secara atas talian ini menuntut komitmen dan kerjasama daripada semua pihak terutamanya dari segi pengetahuan dan kemahiran berkaitan teknologi. Di samping itu, tidak dapat dinafikan bahawa pembelajaran atas talian ini adalah sinonim dengan isu capaian internet yang kurang baik dan tidak memuaskan. Tidak semua kawasan terutamanya kawasan pinggir bandar, mempunyai fasiliti atau kemudahan capaian internet yang baik. Rangkaian penggunaan internet juga memerlukan belanja yang besar untuk jangka masa yang panjang, sekaligus keadaan ini akan memberi kesan terhadap keluarga yang berpendapatan rendah, atau lebih teruk lagi bagi keluarga yang dalam kategori miskin dan mempunyai ramai anak yang masih belajar.

Pembelajaran atas talian hanya akan berjalan dengan lancar apabila akses internet dapat dicapai dengan baik sehingga proses pembelajaran itu dapat dinikmati sepenuhnya (Rara, E., 2020). Selain itu, pembelajaran atas talian juga boleh memberi kesan secara tidak langsung kepada prestasi pelajar, lebih-lebih lagi mereka yang aktif dalam pembelajaran di dalam kelas (Rara, E., 2020). Melalui pembelajaran atas talian jugalah keupayaan pelajar untuk belajar di rumah masing-masing dapat dinilai (Rara, E., 2020). Justeru itu, tidak dapat dinafikan bahawa setiap pelajar termasuklah pendidik perlu mempunyai motivasi dan semangat yang tinggi untuk meneruskan peranan, tanggungjawab dan rutin masing-masing walaupun berdepan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang semakin mencabar. Maka, kajian ini dibina untuk melihat sejauh manakah pandemik Covid-19 memberi kesan terhadap aspek motivasi belajar di kalangan pelajar, termasuklah meneliti kemungkinan-kemungkinan masalah akademik yang timbul akibat daripada pertukaran metod pembelajaran secara tiba-tiba.

Kemunculan wabak yang kemudiannya bertukar menjadi pandemik ini telah berlaku secara tiba-tiba sekaligus memberi kesan yang besar kepada dunia tanpa mengira sempadan negara. Segenap aspek kehidupan manusia telah terkesan membuatkan semua pihak merasa takut dan panik pada awalnya. Satu kajian oleh penyelidik di Imperial College London, Columbia dan Tsinghua University mengesahkan bahawa Covid-19 tidak menunjukkan gejala dengan segera, menyebabkan langkah pencegahan jangkitan tertangguh dan seterusnya bilangan individu yang dijangkiti semakin meningkat, selain atas faktor bahawa dunia belum pernah mengalaminya dan tidak bersedia mendepani wabak penyakit yang sangat dahsyat sebegini.

Penularan wabak ini juga telah mendatangkan tekanan, kemurungan dan kegelisahan dalam kalangan segenap lapisan masyarakat yang harus berdepan dengan ketakutan akan kesan buruk yang akan datang (Norhana, A. et al., 2020). Keadaan semakin membimbangkan apabila

semua sektor dalam negara terjejas teruk apabila negara mula melaksanakan PKP di seluruh Malaysia pada pertengahan Mac 2020 yang lalu. Selain sektor kesihatan yang semestinya terkesan, sektor ekonomi, politik, sosial dan pendidikan juga tidak terkecuali.

Sepanjang tempoh PKP 1.0 dijalankan, semua peringkat pendidikan diberi arahan untuk melaksanakan pembelajaran secara atas talian sepenuhnya, bermula dari peringkat taska dan tadika sehinggalah institusi pendidikan tinggi awam dan swasta. Rentetan daripada proses pembelajaran atas talian inilah timbulnya pelbagai isu, cabaran dan masalah pengajaran dan pembelajaran tanpa mengira peringkat pendidikan. Hal ini kerana, metod pembelajaran ini boleh dikatakan sebagai metod baru kerana pembelajaran atas talian belum pernah lagi diaplikasikan sepenuhnya untuk semua jenis pembelajaran sebelum ini. Maka, keadaan ini semestinya menimbulkan pelbagai jenis reaksi, isu dan cabaran di kalangan para pendidik dan pelajar segenap peringkat, termasuklah ibu bapa walaupun secara tidak langsung.

Bagi para pendidik dan pelajar, kedua-duanya perlu menambah ilmu pengetahuan dalam aspek penggunaan teknologi dan memikirkan bagaimana ingin menyampaikan dan menerima ilmu pembelajaran melalui satu platform yang masih terasa asing. Bagi ibu bapa pula, mereka perlu menyediakan tempat pembelajaran yang sesuai untuk anak-anak serta akses penggunaan internet yang baik bagi melancarkan proses pembelajaran mereka.

Melihat kepada konteks pelajar terutamanya pelajar universiti, pastinya tekanan yang dialami boleh menyumbang kepada kurangnya motivasi belajar kerana mereka perlu berhadapan dengan tekanan pembelajaran melalui platform atas talian secara bersendirian tanpa bimbingan secara langsung seperti di institusi pengajian (Thomas, 2020 dalam Norhana, A. et al., 2020). Situasi ini memberi kesan kepada mereka kerana situasi pembelajaran di universiti sudah berbeza sama sekali dan jauh lebih mencabar, lebih-lebih lagi bagi pelajar yang baru menjejakkan kaki ke peringkat pengajian tinggi. Kemungkinan timbulnya isu dan cabaran lain juga adalah sangat tinggi, seperti masalah capaian internet bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman, perbelanjaan penggunaan internet yang tinggi, kefahaman dalam kelas serta prestasi kecemerlangan pelajar.

Tidak terkecuali, para pelajar di IPTS mahupun IPTA juga turut mengalami situasi yang sama apabila mereka juga perlu belajar secara atas talian sepenuhnya dari rumah masing-masing berkuatkuasa tarikh PKP diumumkan. Kesemua isu dan cabaran yang telah disebut seperti sebelum ini boleh memberi kesan yang signifikan kepada tahap motivasi belajar para pelajar ini serta semangat jangka panjang mereka dalam proses menuntut ilmu. Maka, inisiatif kajian seumpama ini adalah perlu untuk melihat sejauh mana pandemik ini memberi impak kepada pelajar khususnya aspek motivasi sendiri dan akademik.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif yang menggunakan pendekatan etnografi dan fenomena, di mana ianya bertujuan untuk mengkaji bagaimana fenomena pandemik Covid-19 memberi implikasi terhadap motivasi akademik para pelajar melalui pemerhatian dan interaksi secara langsung iaitu temu bual antara penyelidik dan peserta kajian. Kajian ini juga dijalankan untuk mengenalpasti suatu hipotesis yang dapat menjelaskan mengapa berlakunya kadar penurunan motivasi pelajar setelah tercetusnya pandemik Covid-19. Pada akhir kajian ini juga,

penyelidik turut meneroka cabaran atau masalah-masalah akademik yang wujud dalam kalangan pelajar, impak daripada pembelajaran secara atas talian.

Penyelidik merupakan sebahagian daripada peserta kajian dan maklumat kajian diperolehi secara langsung daripada peserta kajian melalui kaedah temu bual yang dijalankan berdasarkan soalan-soalan kajian yang telah dibina dan dirakamkan untuk proses analisis dan simpanan data. Kesemua responden dalam kajian ini merupakan pelajar IPTS di negeri Kedah. Pemilihan responden ini adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditentukan sendiri oleh penyelidik, antaranya ialah responden mestilah mereka yang telah mengikuti pembelajaran secara atas talian sepenuhnya sejak mendaftarkan diri sebagai pelajar selain memperoleh skor yang rendah dalam soal selidik yang telah diedarkan oleh penyelidik.

Kaedah utama yang digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul data dan maklumat berkenaan tahap motivasi responden adalah melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada sampel kajian secara atas talian berbentuk *Google Form*. Borang soal selidik yang mempunyai 30 soalan ini adalah hasil revisi semula daripada instrumen MSLQ yang telah diterjemahkan dan digunakan oleh penyelidik untuk melihat tahap motivasi akademik pelajar secara menyeluruh. Seterusnya, berdasarkan keputusan yang dikumpul daripada borang soal selidik yang dijawab oleh responden, penyelidik memilih empat orang responden untuk ditemu bual dengan melihat skor rendah dan latar belakang klien yang belum pernah lagi belajar secara bersemuka di universiti. Melalui temu bual yang dijalankan bersama responden, penyelidik mengumpul maklumat serta membuat pemerhatian untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan.

Penganalisan data dalam kajian ini melibatkan proses temu bual dengan empat orang responden yang telah menjawab soal selidik dan memperoleh skor yang rendah. Temu bual yang dijalankan pula telah dirakam dan ditranskripkan untuk ditentukan tema kajian dan kod yang bersesuaian dengan objektif dan persoalan kajian bagi tujuan analisis data. Soalan-soalan temu bual yang ditanya adalah seperti berikut:

1. Apakah perasaan atau emosi yang dirasai setiap kali sebelum mula kelas *online*?
2. Bagaimanakah dengan persediaan tempat belajar dan responden dalam memulakan kelas *online*?
3. Sejauhmanakah minda rasa bersedia untuk belajar secara *online*?
4. Apakah perasaan atau emosi yang dirasai setiap kali belajar dalam kelas *online*?
5. Bagaimanakah keadaan responden semasa kelas *online* sedang berlangsung?
6. Sejauh mana responden dapat menumpukan perhatian dalam kelas *online*?
7. Apakah perasaan yang dirasai setiap kali menghadapi ujian atau peperiksaan secara *online*?
8. Sejauh mana responden membuat jangkaan terhadap keputusan peperiksaan yang bakal diterima?
9. Adakah responden sering membandingkan keputusan yang diperolehi dengan rakan-rakan?
10. Apakah tindakan atau reaksi yang biasa dilakukan oleh responden setiap kali selesai peperiksaan *online*?
11. Apakah isu, cabaran atau masalah akademik yang timbul kesan daripada pembelajaran secara *online*?

12. Apakah implikasi pandemik Covid-19 terhadap motivasi diri menurut perspektif responden sendiri?
13. Sejauh mana keadaan semasa memberi pengaruh terhadap emosi dan semangat untuk belajar?

DAPATAN KAJIAN

Responden 1

Klien dikenali sebagai Nur Amnah (bukan nama sebenar), yang merupakan pelajar Asasi Pengajian Islam semester tiga iaitu tahun akhir pengajian asasi. Usia klien baru sahaja mencecah 20 tahun dan belum pernah lagi menjejakkan kaki ke kampus sejak mendaftarkan diri. Nur Amnah yang juga anak kedua daripada tiga orang adik-beradik ini berasal dari Kedah. Beliau dipilih sebagai responden untuk ditemu bual kerana memperoleh skor yang rendah dalam soal selidik yang diedarkan oleh penyelidik.

Responden 2

Klien kedua dikenali sebagai Nur Azura (bukan nama sebenar), merupakan pelajar Asasi Pengurusan yang berada di semester dua. Nur Azura yang berusia 19 tahun ini berasal dari Alor Setar, Kedah dan kini masih lagi menetap di tempat kelahirannya itu. Beliau telah mendaftarkan diri sebagai pelajar asasi semasa pengambilan pelajar bulan Disember 2020 dan sejak itu telah belajar secara *online* sehingga kini, mencecah 6 bulan. Apabila diberi borang soal selidik (*Motivated Strategies for Learning Questionnaire*) untuk dijawab, responden telah memperoleh skor yang agak rendah iaitu di bawah 100. Oleh itu, responden telah dipilih untuk melalui sesi temu bual bersama penyelidik.

Responden 3

Klien atau responden ketiga pula dikenali sebagai Nur Zehra (bukan nama sebenar) dan merupakan pelajar semester tiga Asasi Pengajian Islam di sebuah IPTS yang telah mendaftarkan diri ketika pengambilan pelajar bulan Jun 2020. Oleh itu, sudah lebih kurang setahun beliau telah belajar secara *online*. Beliau yang mahu dikenali sebagai Ayra, berumur 19 tahun dan berasal dari Johor Bahru namun menetap di Selangor. Responden ini juga telah memperoleh skor di bawah 100 apabila menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan oleh penyelidik.

Responden 4

Responden terakhir ini ialah Nur Amani (bukan nama sebenar), yang juga merupakan pelajar Asasi Pengajian Islam pengambilan Jun 2020 yang telah belajar secara *online* selama hampir setahun dan sudah berada di semester akhir iaitu semester tiga. Nur Amani berasal dari Jeneri, Sik dan berumur 20 tahun. Klien ini turut mempunyai ciri yang sama iaitu belum pernah lagi menjejakkan kaki ke kampus sejak mendaftar sebagai pelajar. Seperti ketiga-tiga responden sebelumnya, responden ini telah dipilih kerana mendapat skor di bawah nilai 100 dalam ujian *Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ) melalui borang soal selidik yang diberi oleh penyelidik.

Tema 1 : Implikasi Pandemik Covid-19 Terhadap Motivasi Akademik Pelajar

Subtema 1: Kurang Persediaan Mental dan Fizikal Sebelum Kelas

Oleh kerana keadaan Covid-19 di Malaysia semakin teruk dan membimbangkan saban hari, hampir semua universiti seluruh Malaysia telah mengamalkan pembelajaran secara *online* atau *virtual*. Setakat ini, kerajaan hanya membenarkan pelajar semester akhir yang perlu memenuhi tuntutan kelas amali, praktikal atau kegunaan studio sahaja untuk pulang ke kampus masing-masing dan hadir ke kelas secara fizikal atau bersemuka.

Salah satu cara untuk mengenalpasti implikasi pandemik Covid-19 terhadap motivasi akademik pelajar adalah dengan melihat sejauh manakah mereka membuat persediaan sebelum kelas secara atas talian bermula, baik dari aspek mental, iaitu emosi dan juga fizikal. Tahap persediaan seseorang pelajar terutamanya sebelum kelas bermula dapat menjadi satu indikator yang signifikan terhadap sejauh mana motivasi akademiknya terkesan akibat situasi semasa Covid-19. Melalui sesi temu bual bersama responden, penyelidik telah mengumpul maklumat berkenaan persediaan kelas *online* untuk melihat sejauh mana para pelajar ini bermotivasi dan bersemangat untuk belajar walaupun tidak dapat bersemuka secara fizikal. Berikut disertakan petikan perbualan antara penyelidik dan responden mengenai topik ini.

Responden 1:

"Saya rasa semangat tapi kalau petang kurang sikit sebab tak boleh fokus."

"Dekat ruang tamu. Tugasan kadang siap kadang tak. Nota lekat dekat buku.."

Bagi situasi responden pertama ini, beliau hanya rasa semangat untuk belajar pada kelas pagi sahaja dan mula rasa tidak dapat memberikan fokus yang baik apabila tiba kelas petang. Pendedahan terhadap skrin komputer dalam tempoh yang lama boleh mempengaruhi daya fokus pelajar termasuk corak tidur. Keadaan ini seterusnya akan mengganggu emosi pelajar dan memberi kesan terhadap motivasi, semangat untuk belajar dan perhatian dalam kelas.

Responden juga turut menyatakan bahawa tugas beliau dapat disiapkan kadang-kadang sahaja. Tempat belajar beliau juga sebenarnya adalah kurang strategik kerana biasanya ruang tamu adalah kawasan utama keluarga yang cenderung mempunyai gangguan-gangguan tertentu.

Responden 2:

"Selalunya risau kalau lecturer mintak untuk semua student on camera"

"pakai pakaian yang selesa je lah"

"Haah...selalu jugak rasa lemau macam tu"

"bila dah start sem dua ni, nak masuk class tu makin rasa malas"

"sebab rasa macam kurang fokus.."

"Nak kata everytime before start class tu well prepared tak sangat.."

Melalui pemerhatian penyelidik terhadap responden kedua ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa persediaan beliau dari aspek mental agak kurang dan lemah. Para pengajar dan pendidik dapat menilai sendiri kesungguhan pelajarinya melalui penyertaan mereka dalam kelas *online*, seperti kesediaan untuk membuka *camera*, berpakaian yang sesuai untuk kelas walaupun secara *online*, serta hadir pada masanya sebelum kelas bermula. Hasil temu bual, responden kedua ini mengakui bahawa beliau semakin kurang bermotivasi dan kurang bersemangat untuk belajar jika

dibandingkan dengan semasa semester satu dahulu, selain fokus yang semakin hilang jika berada dalam kelas *online* dalam tempoh yang lama. Responden juga mengakui bahawa beliau tidak terlalu membuat persediaan fizikal sebelum kelas bermula.

Responden 3:

“Saya tak sedia sangat pun, cuma masuk la kelas tu semua, tapi nak faham tu susah sikit”

“Dekat bilik, gangguan tu ada la gak, sebab ada katil kan, rasa nak tido ja”

“Kalau nak buat assignment video tu, susah sikit la nak fokus”

“Pakaian biasa ja..pakai apa-apa yang nak pakai”

Bagi responden ketiga ini pula, persediaan sebelum kelas juga tidak banyak dilakukan dan klien juga mengalami cabaran untuk faham apa yang diajarkan, namun dapat diatasi kerana beliau sering merujuk rakan-rakan. Perkara lain yang mempengaruhi para pelajar untuk belajar dengan tenang di rumah juga adalah disebabkan oleh banyak bentuk gangguan yang boleh menghilangkan fokus. Seperti dalam hal responden ini, selain belajar di bilik yang mempunyai katil dan membuatnya rasa ingin tidur, responden juga berkongsi bilik yang sama dengan adik-beradik lain. Maka, sudah pastilah gangguan untuk fokus dalam kelas itu wujud.

Responden 4:

“Kadang kalau time nak start kelas line slow ka apa ka dia rasa macam leceh la jugak belajaq online”

“Dekat rumah parents dah sedia meja dan kerusi untuk kelas atau nak study”

Manakala, responden keempat pula menunjukkan kesediaan yang agak baik dari aspek fizikal berikutan ibu bapanya yang telah mengambil inisiatif untuk menyediakan tempat belajar yang selesa di rumah. Namun begitu, menjadi cabaran baginya apabila ada masalah capaian internet yang menyebabkannya merasakan bahawa belajar secara atas talian ini susah dan leceh.

Subtema 2: Kurang Komitmen dan Tumpuan Semasa Kelas

Apabila para pelajar kurang bersedia dan tidak begitu bermotivasi untuk belajar, mereka cenderung untuk tidak memberikan komitmen yang bersungguh di dalam kelas, sekaligus tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap apa yang dipelajari. Belajar tanpa hadir secara fizikal samada pelajar mahupun pensyarah, amatlah menjadi cabaran buat kedua-duanya. Tumpuan dalam kelas juga diambil kira oleh penyelidik untuk meneroka masalah akademik pelajar. Tumpuan semasa kelas *online* ini telah mengambil kira tahap fokus pelajar dengan melihat perasaan, pemikiran dan tingkah laku pelajar sepanjang kelas berlangsung. Berikut disertakan petikan perbualan antara penyelidik dan responden.

Responden 1:

“First rasa semangat pastu bila macam lambat habis rasa bosan sikit”

“Apa yang lecturer ajar setengah jam boleh fokus tapi kalau 2 jam tak boleh..”

“Haah..camera off..”

“Yup..pakai baju biasa..”

Kesemua responden bersetuju bahawa kelas *online* sememangnya mencabar untuk diberi tumpuan dan fokus sebaiknya. Majoriti pelajar hanya dapat memberikan fokus yang terbaik antara 30 hingga 40 minit sahaja.

Responden 2:

“Perasaan bila dalam class tu selalunya menunggu masa habis waktu every class”

“sebab fokus Mina dalam class tu dalam 30 hingga 40 minit macam tu ja..then start main phone apa semua”

“Kalau tugasan tu..Mina boleh settle kan semua if tugasan dari course bizmaths and finance, mungkin sebab minat”

“tapi kalau course macroecons dan yang lain-lain ambil masa”

Seperti yang penyelidik nyatakan tadi, responden kedua juga mudah berasa bosan dan sering menunggu masa untuk tamat kelas. Beliau hanya dapat memberikan fokus yang baik selama 30 hingga 40 minit juga. Bagi responden ini, beliau dapat memberikan komitmen yang betul-betul baik hanya terhadap subjek yang diminati sahaja termasuklah dalam aspek menyelesaikan tugas yang diberikan oleh para pensyarah.

Responden 3:

“Erm kadang fokus, kadang tak , kadang bukak media sosial lain time kelas..”

“Haah tutup kamera..”

Apabila pensyarah tidak kisah samada pelajar membuka *camera len* atau tidak dalam kelas *online*, mereka sangat cenderung untuk mengambil mudah terhadap proses pembelajaran itu sendiri sekaligus mengambil peluang untuk bermain telefon, melayari internet pada perkara yang tak sepatutnya atau membuka media sosial lain semasa kelas sedang berlangsung. Tabiat ini sangat tidak menyihatkan dan boleh dikategorikan sebagai tidak beradab kepada guru yang mengajar.

Responden 4:

“Selalunya mula kelas tu ok ja tapi dah nak akhir kelas dia start nak hilang fokus sikit..”

“tapi kalau tak faham tu selalunya kami akan rujuk kawan yang mana faham ataupun pakat berbincang dalam whatsapp group”

Responden keempat juga mengalami perkara sama apabila beliau turut berkongsi bahawa fokus dalam kelas semakin hilang seiring masa yang berlalu. Namun begitu, beliau dan rakan-rakannya mengambil inisiatif yang baik untuk sama-sama berbincang sekiranya terdapat sebarang kemusykilan dan pelajaran yang tidak difahami dalam kelas.

Subtema 3: Kurang Persediaan dan Merasa Takut Menghadapi Peperiksaan *Online*

Walaupun ada sesetengah pelajar yang mengatakan bahawa peperiksaan secara atas talian adalah mudah kerana boleh membuat rujukan, namun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pensyarah yang menggandakan tahap kesukaran disebabkan pelajar berpeluang membuat rujukan dengan mudah. Keadaan ini akan turut memberi pengaruh kepada para pelajar kerana tidak semua mampu beradaptasi dengan kaedah norma baharu ini.

Responden 1:

"Ketaq jugak macam nak exam dalam dewan..saya jenis pikir jugak lepas dah jawab"
"Selalu expect cemerlang la kalau ikutkan.."
"Haah selalu banding dengan kawan-kawan.."
"Kadang-kadang ja bincang balik.."

Berbeza dengan responden lain, responden pertama ini menjangkakan bahawa beliau dapat mencapai keputusan yang cemerlang, walaupun menghadapi debaran yang hampir sama seperti peperiksaan secara fizikal. Walaupun begitu, beliau tetap mempunyai tabiat untuk selalu membandingkan diri dengan rakan-rakan yang mendapat keputusan lebih cemerlang.

Responden 2:

"Rasa gelabah hehe..sebab selalunya habis class tu..memang tak buat revision ke apa"
"bila datang mood nak study baru buat ulangkaji.."
"so bila ada exam,quiz,test tu..baru start buat revision..itu pun last minute jugak."
"Selalunya bincang dengan kawan-kawan balik.."
"even rakan sekelas pun cakap makin lama rasa makin lemau..tapi kitorang struggle jugak lah untuk dapat result yang elok..."
"Mina try untuk follow up cara diorang study and banyak tanya pasal study dekat diorang"

Responden ini kurang persediaan untuk peperiksaan, bahkan beliau membuat ulangkaji pelajaran hanya pada saat-saat akhir sebelum peperiksaan. Menurutny lagi, beliau dan rakan-rakannya sering merasa lemah semangat dalam pembelajaran, apatah lagi apabila menghadapi peperiksaan. Namun, beliau tetap berusaha untuk mencuba melakukan yang terbaik demi mencapai prestasi yang memberangsangkan.

Responden 3:

"Berdebar gilee akak"
"Ready, tapi nanti mule la kalut..tah la..time tu la nak print semua..."
"Berdebar cam na tah, tak tau nak habaq.."
"Rasa exam online ni lagi berdebar, sebab sorang kan"
"Result tu selalunya jangka sederhana je"

Melalui pemerhatian penyelidik, responden ketiga ini juga kurang persediaan untuk menghadapi peperiksaan walaupun beliau mengatakan bahawa beliau sudah bersedia. Hal ini kerana, beliau sendiri menyatakan bahawa ketika hampir dengan masa peperiksaanlah beliau baru ingin mencetak nota dan membuat persediaan fizikal lain. Perasaan bimbang dan berdebar responden juga adalah lebih jika dibandingkan dengan pernyataan daripada responden selebihnya.

Responden 4:

"Selalunya seminggu atau dua minggu sebelum nak start exam baru kami start study.."
"dan ada sesetengah yang study sama-sama secara online guna Google Meet ataupun Zoom"
"Perasaan dia ok la..ada rasa nak exam tu tapi tak sama macam face to face hehe.."

“Saya tak kisah dapat dekan atau tak cuma nak bagi lepas pointer ja takut kena bayar yuran..tapi so far result ok la..”

Responden ini menunjukkan tahap kesediaan yang agak baik jika dibandingkan dengan responden lain. Beliau dan rakan-rakan turut mengambil inisiatif sendiri untuk belajar secara berkumpulan walaupun secara atas talian. Hasilnya, keputusan peperiksaannya juga adalah baik sekaligus dapat menghalangnya daripada membayar semula yuran yang telah ditaja.

Tema 2: Masalah Akademik Pelajar

Melalui soalan terbuka yang terus kepada fokus utama kajian ini, penyelidik dapat menilai dan mengenal pasti apakah masalah yang dihadapi oleh responden dengan jelas melalui jawapan oleh responden sendiri.

Responden 1:

“Selain daripada line slow, tak dak..”

“Tak seronok sangat sebab berbeza kalau belajar macam biasa..saya berharap dapat belajar macam dulu balik..”

“Membuatkan sukar untuk semua orang nak belajar macam dulu lepastu nak buat study group”

“susah jugak kalau online, tak rasa semua tu macam real..”

“Haah rasa semangat menurun..”

Kebanyakan jawapan temu bual responden berkaitan masalah atau cabaran belajar secara atas talian adalah kemudahan capaian internet. Walaupun para responden tidaklah berada di kawasan pedalaman yang sangat susah untuk mengakses internet, namun isu ini tetap menjadi fokus kerana Malaysia bukanlah negara yang sudah maju ke hadapan dalam bab teknologi internet khususnya rangkaian 5G. Bagi responden pertama ini, beliau merasa tidak seronok belajar secara atas talian kerana baginya roh dan semangat belajar itu lebih dirasai apabila belajar secara bersemuka. Oleh itu, beliau berharap bahawa proses pembelajaran dapat kembali seperti asal supaya motivasinya semakin bertambah semula untuk belajar dengan bersungguh-sungguh.

Responden 2:

“Nak adakan online class tu masih relevan untuk tempoh yang sekejap..sebab bila terlalu lama online class..rasa macam lost interest dekat study..”

“Sebabnya assignment dan tutor bertambah, tapi kefahaman untuk setiap chapter tu takda..”

“kadang terasa jugak yang lecturer suka speed every chapter supaya habis awal, and tak semua student cepat catch up..”

“so, bila dah start jadi macam ni..nak masuk class pun takda minat..”

“Masalah environment dan cara pengajaran..kadang tak semua lecturer fokus dekat student.”

“so rasa macam terbeban..”

“Pernah mintak lecturer ulang, tapi tak selalu sebab rasa segan..selalunya akan mintak kawan-kawan explain balik..”

“bila test atau exam, probability untuk student meniru semua tinggi sebab pernah berlaku dalam class Mina sendiri dan kawan-kawan yang study dekat campus lain pun cerita diorang buat perkara yang sama..”

“pelajar rasa makin tertekan sebab online class kadang tak ikut schedule sangat..”

“so sampai 3 atau 4 jam sahaja course yang sama, student dah jadi penat..kemudian assignment dengan tutor memang banyak sangat-sangat..”

“so student banyak habiskan masa untuk settle kan assignment dan tutor before due..takda masa untuk nak study..”

Responden ini telah berpendapat bahawa kelas *online* hanya sesuai dilaksanakan dalam tempoh tertentu sahaja dan tidak berlarutan terlalu lama. Menurutnya, pelajar semakin hilang minat dan fokus untuk belajar disebabkan lambakan tugas sehingga tiada masa khusus untuk mengulang kaji serta kefahaman yang kurang. Bagi hal terpencil, ada juga pensyarah yang tidak mengikut jadual waktu kelas sebenar menyebabkan para pelajar perlu mengikuti kelas *online* dalam tempoh yang sangat lama. Kebarangkalian untuk perbuatan meniru dalam tugas dan peperiksaan juga sangat tinggi kerana tiada pantauan secara langsung daripada pensyarah dan keadaan ini turut berlaku di universiti lain.

Responden 3:

“masalahnya..arab la bab nahu, sebab belajar arab time spm je..nak ingat tu la kena slow slow sikit”

“Ada jugak kesan, sebab kalau belajar kat u kan, tak faham, rasa lagi senang nak tanya, kawan ka..lecturer ka.”

“Erm kesan, rasa tak de la teruk sangat, cuma atas student rajin dengan malas..sebab ramai jugak kawan dapat result yang baik”

Masalah atau isu dalam pembelajaran secara atas talian bagi responden ketiga ini adalah cabaran dalam memahami ilmu nahu kerana Bahasa Arab beliau agak terbatas dan masih banyak yang perlu dibaiki dan dipelajari. Bagi responden, belajar bersemuka semestinya lebih mudah kerana dapat bertanya secara langsung kepada pensyarah dan berbincang dengan rakan sekelas. Menurutnya juga, sifat pelajar itu sendiri memainkan peranan penting dalam mendepani kesan daripada pandemik dan pembelajaran secara atas talian.

Responden 4:

“Ok..sejujurnya saya dah mula selesa dengan cara pembelajaran online ni..untuk degree ni kalau nak mula belajar face to face macam biasa ataupun online saya ok ja tapi kalau sekerat online sekerat face to face tu renyah sikit la..”

“masalah internet satu lepas tu assignment berkumpulan payah nak discuss sama-sama..”

Perspektif responden keempat adalah sedikit berbeza dengan semua responden lain kerana beliau sudah mula selesa belajar secara atas talian. Namun begitu, beliau merasa tidak sesuai jika metod pembelajaran sering bertukar antara pembelajaran secara atas talian dan secara bersemuka. Isu akademiknya juga adalah sama dengan responden lain, iaitu masalah capaian internet dan kesukaran berbincang dengan rakan sekelas.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kesemua tema yang diperolehi berjaya menjawab persoalan kajian berkenaan bagaimana penyelidik melihat kesan-kesan pandemik Covid-19 terhadap motivasi akademik pelajar, iaitu (1) kurang persediaan mental dan fizikal sebelum kelas *online*, (2) kurang komitmen dan tumpuan semasa kelas *online*, dan (3) kurang persediaan menghadapi peperiksaan *online*. Manakala, bagi aspek masalah dan cabaran akademik pelajar dalam pembelajaran secara atas talian pula adalah untuk menjawab persoalan kajian mengenai apakah masalah atau cabaran dalam akademik yang dihadapi oleh pelajar akibat daripada pertukaran metod pembelajaran daripada secara bersemuka kepada secara atas talian.

RUJUKAN

- Abd Majid, M. & Dimon, Z. (2015). Peranan Motivasi Terhadap Pembentukan Tingkah Laku Manusia. 15-23.
- Abdul Aziz, A.R., Shafie, A.H., Mohd Soffian, U.H. & Raja Ashaari, R.N.S. (2020). Strategi Pembangunan Aspek Kesejahteraan Kendiri bagi Mendepani Tekanan Akademik Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 16–30.
- Ahad, N., Fahmi, M., Hamid, A., Noor, A. M., & Lazin, Z. (2020). Analisis Faktor Tekanan Yang Mempengaruhi Pelajar Kolej Komuniti Negeri Johor Ketika Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 158–172.
- Ahmad, A.S. & Syed Sahil, S.A. (2018). *Metodologi Penyelidikan & Analisis Data Kuantitatif SPSS*. Kuala Ketil, Kedah. KUIN SDN.BHD.
- Araujo (2017). Pengaruh Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik Terhadap Prestasi Belajar Ekonomi Bisnis Kelas X Peserta Didik Kelas X di SMKN 4 Makassar. 6, 5–9.
- Barseli, M., Ifdil, I., & Fitria, L. (2020). Stress Akademik Akibat COVID-19. *Jurnal Penelitian Guru Indonesia*, 5(2), 95.
- Berita Harian. (2020). WHO Isytihar Wabak COVID-19 Pandemik. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/03/664515/who-isytihar-wabak-covid-19-pandemik>
- CPRC Kebangsaan. (2021). Situasi Terkini COVID-19 di Malaysia. Dimuat turun daripada <https://covid-19.moh.gov.my/terkini>
- Crede, M. & Phillips, A. (2011). A Meta Analytic Review of The Motivated Strategies for Learning Questionnaire. 21 (4), 337-346.
- Cunningham, K. R. (2013). *The Effect of Motivation on Student Success in a First-Year Experience Course*. 92.
- Fitriyani, Y., Fauzi, I., & Sari, M. (2020). Motivasi Belajar Mahasiswa Pada Pembelajaran Daring Selama Pandemi Covid-19. *Profesi Pendidikan Dasar*, 7(1), 121–132.
- Hendrayana, A. S. (2014). Motivasi Belajar, Kemandirian Belajar Dan Prestasi Belajar Mahasiswa Beasiswa Bidikmisi Di UPBJJ Ut Bandung. *Jurnal Pendidikan Terbuka Dan Jarak Jauh*, 15(2), 81–87.
- Hilpert, J. C., Stempien, J., Van Der Hoeven Kraft, K. J., & Husman, J. (2013). Evidence for The Latent Factor Structure of The MSLQ: A New Conceptualization of An Established Questionnaire. *SAGE Open*, 3(4).
- Ishak, A.A. & Ahmad Talaat, A.AZ. (2020). Pembelajaran Atas Talian: Tinjauan Terhadap

- Kesediaan dan Motivasi dalam Kalangan Pelajar Diploma Logistik dan Pengurusan Rantai Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *2(4)*, 68-82.
- Jasmi K.A., (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lestari, A. (2017). Konsep Guru Dan Anak Didik Menurut Ibnu Maskawaih. *Jurnal Tarbawi*, *14(2)*.
- Lincoln, Y.S., (1994). *Handbook of Qualitative Research*. California. Sage Publication.
- Mailis, M.I., Zaini, Z.H., & Hassan, N.H. (2020). Persepsi Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Secara Atas Talian. *Jurnal Kesidang*, *5*, 88–99.
- Masni, H. (2015). Strategi Meningkatkan Motivasi Belajar Mahasiswa. *Dikdaya*, *5(1)*, 34–45.
- Mediawati, E., (2010). Pengaruh Motivasi Belajar Mahasiswa dan Kompetensi Dosen Terhadap Prestasi Belajar. *Jurnal Pendidikan Ekonomi Dinamika Pendidikan*. *V (2)*. 134-146.
- Mochammad Sahid, M., Amar, F. & Baharuddin, A.S., (2020). Aplikasi Kaedah-Kaedah Fiqh Dalam Isu-Isu Semasa Pandemik COVID-19. *International Seminar on Syariah and Law (INSLA)*, *3(1)*, 535–543.
- Mohd Faeiz, P., Siti Norazlina, J., Salman, A. & Nurulhuda, M.H., (2020). COVID-19: Pengajaran dan Pembelajaran Sewaktu Krisis Pandemik. *Jurnal Refleksi Kepimpinan*, *3*, 96–105.
- Mohd Noor, M.A., Mohamad, S.S. (2003). *Faktor di antara Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik ke atas Penglibatan Para Pelajar Terhadap Aktiviti Pendidikan Luar- Satu Kajian Kes*. 1–7.
- Mustaqim, I. (2020). Pengaruh Kompetensi Dosen, Kurikulum Dan Motivasi Terhadap Prestasi Belajar Mahasiswa. *Reslaj : Religion Education Social Laa Roiba Journal*, *1(1)*, 63–75.
- Permana, A. (2016). Pengaruh Gaya Belajar dan Motivasi Belajar Mahasiswa Terhadap Kemampuan Belajar Ilmu Alamiah Dasar. *Jurnal Formatif*, *6 (3)*, 276–283.
- Pintrich, P. R., & De Groot, E. V. (1990). Motivational and Self-Regulated Learning Components of Classroom Academic Performance. *Journal of Educational Psychology*, *82(1)*, 33–40. <https://doi.org/10.1037/0022-0663.82.1.33>
- Pujadi, A. (2007). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Belajar Mahasiswa; Studi Kasus Pada Fakultas Ekonomi Universitas Bunda Mulia. *3(1)*. 40–51.
- Rara, E. (2020). Peranan Pelajar Dalam Menghadapi Masalah Online. Institut Agama Kristen Negeri Toraja. (1).
- Rohaila, M. R., & Fariza, K. (2017). Gamifikasi : Konsep dan Implikasi dalam Pendidikan. *Gamifikasi : Konsep Dan Implikasi Dalam Pendidikan*, 144–154.
- Sakti, G., & Sulung, N. (2020). Analisis Pembelajaran di Masa Pandemik Covid 19 (Literatur Review). *Jurnal Endurance : Kajian Ilmiah Problema Kesehatan*, *5(3)*, 496–513.
- Setyaningrum, W., & Yanuarita, H. A. (2020). Pengaruh COVID-19 Terhadap Kesehatan Mental Masyarakat Di Kota Malang. *JISIP (Jurnal Ilmu Sosial Dan Pendidikan)*, *4(4)*.
- Sunarsih, T., (2009). Hubungan Antara Motivasi Belajar, Kemandirian Belajar dan Bimbingan Akademik Terhadap Prestasi Belajar Mahasiswa di Stikes A. Yani Yogyakarta. *كتاب الجامع العربية*, *2(5)*, 255.
- Taylor, R. T. (2014). *Review of The Motivated Strategy for Learning Questionnaire (MSLQ)*

- Using Reliability Generalization Techniques Assess Scale Reliability. 1, 1–5.*
- World Health Organization. (2020). Coronavirus Disease; COVID-19. Dimuat turun daripada https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab_1
- World Health Organization. (2020). Naming The Coronavirus Disease. Dimuat turun daripada [https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/technical-guidance/naming-the-coronavirus-disease-\(covid-2019\)-and-the-virus-that-causes-it](https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/technical-guidance/naming-the-coronavirus-disease-(covid-2019)-and-the-virus-that-causes-it)